

CNS0469

R GB 16-03 00133 BC070

Bah

MALAYSIA LEBIH BERJAYA KENDALIKAN EKONOMI DARIPADA EROPAH
Mahathir - Ekonomi

JITRA, 16 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia lebih berjaya daripada negara-negara di Eropah dalam mengendalikan ekonominya.

Sungguhpun ramai yang mungkin tidak percaya negara ini boleh mengatasi negara di Eropah, namun itu adalah hakikatnya, kata beliau ketika berucap pada majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Melele, Tunjang, dekat sini.

Dr Mahathir berkata, kejayaan itu dicapai hasil keamanan dan kestabilan negara.

+Kita bernasib baik kerana orang Melayu dan kaum-kaum lain di negara ini tidak bersikap keras, tidak suka berkelahi tetapi sebaliknya suka bekerjasama dan berunding secara aman,+ katanya

Yang turut hadir ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali. --
Lagi

▼16/03/23-04MST

CNS0470

R GB 16-03 00108 BC071

Bah

Mahathir - Ekonomi 2 Jitra

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bersyukur kerana negara kini begitu makmur dan penduduknya tidak menghadapi masalah pengangguran.

Katanya, bilangan pekerja di negara ini kurang berbanding dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan sehingga Malaysia terpaksa mengambil pekerja asing.

+Kerana majikan berebut-rebut hendak mendapatkan pekerja, gaji pekerja meningkat dan pelbagai kemudahan juga diberi,+ katanya.

Beliau meminta rakyat menginsafi nasib yang menimpa kaum Rohingya di Myanmar yang diusir sehingga ramai yang mati semasa melarikan diri.

+Mereka hidup dalam kesiksaan dan mungkin tidak dapat menunaikan ibadat seperti berpuasa sungguhpun mereka orang Islam,+ katanya. -- Lagi

▼16/03/23-05MST

CNS0471

R GB 16-03 00158 BC072

Bah

Mahathir - Ekonomi 3 (Akhir) Jitra

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia perlu mewujudkan industri pembuatan walaupun barangan serupa boleh diimport daripada negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

+Ini kerana kita tidak mahu bergantung kepada mana-mana pihak kerana sekiranya kita terlampau bergantung kepada orang lain akhirnya kita akan ditekan oleh pihak yang kuat,+ kata beliau.

Oleh itu, Malaysia akan berusaha supaya mampu menandingi negara-negara yang lebih maju dalam bidang pembuatan dan beliau yakin suatu hari kelak Malaysia juga mampu membina kapal terbang.

+Hari ini pun kita dah mula belajar buat kapal terbang walaupun ia cuma kapal terbang kecil yang boleh membawa dua orang,+ katanya.

Menurutnya, semua orang Melayu di Malaysia beragama Islam dan apa juga rancangan hendak meningkatkan kemajuan orang Melayu perlu dipandang sebagai usaha untuk meningkatkan syiar Islam.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur. -- Bernama

▼16/03/23-06MST